

Newspaper	Berita Harian
Date	18/4/2011

Dr M kagum Mariner 1 dibina syarikat Melayu

BANTING: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terpegun melihat kapal tunda *Mariner 1* berharga RM27 juta milik syarikat dari Arab yang dilancarkan di Sijangkang adalah hasil kerja orang Melayu.

Sambil menyifatkan bakat Melayu tidak boleh dipermudahkan, beliau memuji kejayaan NGV Tech Sdn Bhd (NGV Tech) kerana meneroka bidang pembuatan kapal hingga berjaya menembusi pasaran dunia dan meraih tempahan bernilai RM3 bilion sepanjang lima tahun latta.

"Pada mulanya saya tidak percaya ada syarikat Melayu mampu membina kapal laut berteknologi tinggi kerana ia biasa dibuat oleh negara maju.

"Tapi sekarang hasil begitu sudah mampu dilakukan masyarakat tempatan khususnya orang Melayu," katanya pada majlis pelancaran kapal tunda *Mariner 1* ke-



DR MAHATHIR beramah mesra dengan warga kerja NGV Tech selepas majlis pelancaran kapal *Mariner 1*, di Sijangkang, kelmarin.

pada Marine Services Private Ltd (Arab Saudi) yang disempurnakan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di limbungan Sijangkang dekat sini, petang kelmarin.

Pada majlis itu Dr Mahathir juga menyerahkan kapal tunda *MV Bima Mulu* dan *MV Seputeh* kepada pembeli tempatan yang turut disaksikan Pengarah Eksekutif

NGV Tech, Datuk Zulkifli Shariff,

Beliau memuji usaha syarikat Bumiputera itu melebarkan kegiatan membina kapal perang bagi keperluan Tentera

Laut Diraja Malaysia (TLDM) di samping memenuhi permintaan dari luar negara.

"NGV Tech juga berkesempatan melatih pelajar institut pengajian tinggi (IPT) mengenai kaedah pembuatan kapal pelbagai jenis," katanya.

Katanya, inisiatif syarikat itu juga membuktikan Bumiputera mampu bersaing hebat dengan kaum lain yang sudah lama menguasai industri berkenaan.

Sementara itu, Zulkifli dalam ucapannya berkata, NGV Tech meraih kontrak bernilai RM2.9 bilion sejak lima tahun lalu berikutan pertumbuhan industri perkapalan dunia serta keperluan mendesak industri petroleum dan gas.

Katanya, sejak memindahkan limbungannya ke Sijangkang pada 2005, pihaknya menyiapkan lebih 200 kapal pelbagai jenis bernilai RM2 bilion dan kini giat menyiapkan baki pesanan bernilai RM900 juta menjelang 2013.